

Di Mana Tempat Perlindungan Generasi Muslim?

(X)

Oleh al-Ustāz Yusuf al-‘Aza

Di dalam siri (X) ini al-Ustāz Yusuf al-‘Azam penulis makalah yang bermutu ini – telah berjaya membongkar rahsia-rahsia yang selama ini tersembunyi di sebalik tembok bangunan “Taman-taman Asuhan” yang diasaskan oleh pengembang-pengembang agama Kristian di dalam negeri-negera Islam.

Bagaimana *method* atau cara-cara halus yang digunakan oleh para guru-guru yang bertugas mengajar di Taman-taman Asuhan ala Kristian” itu berusaha untuk menanamkan semangat Kristian ke dalam jiwa kanak-kanak Islam yang telah diserahkan oleh kedua ibubapa mereka di bawah asuhan dan pendidikan di Taman-taman Asuhan tersebut, semuanya akan diterangkan dengan begitu jelas oleh penulisnya di dalam siri ini – Pengarang.

(Terjemahan bebas oleh: Azmi)

2. Kecenderongan Jiwa Kanak-kanak

Kepada Permainan Drama:

Ini adalah bahagian kedua dari sifat-sifat kecenderongan (inklinasi) seorang kanak-kanak yang berumur antara 3 – 6 tahun. Dalam lingkungan usia yang tersebut inilah – pada zaman moden ini – seorang kanak-kanak yang hidup di dalam kawasan kota-kota besar, mereka mulai dihantar oleh kedua ibubapa atau kaum keluarganya masuk belajar ke dalam ((taman-taman asuhan)) yang didirikan oleh ((Badan-badan Kebajikan Islam)) ataupun ((Badan-badan kebajikan Kristian)).

Di sini kita tidak akan memperbincangkan soal kanak-kanak Islam yang dihantar belajar ke ((taman-taman asuhan)) yang diasaskan oleh ((Badan-badan kebajikan Islam)), lantaran dasar pendidikan yang diajar di dalam ((Taman-taman Asuhan Islam)) itu, tentulah seratus-peratus tidak bertentangan dengan ajaran-ajaran Islam sebagai agama yang dianuti oleh pengasasnya dan kedua-dua ibubapa kanak-kanak itu dari sejak turun-temurun.

Tetapi yang akan kita jadikan pokok

pembicaraan dalam makalah ini ialah mengenai kanak-kanak Islam yang dihantar belajar di dalam ((Taman-taman Asuhan Kristian)), yang tentunya kalau pun tidak seratus-peratus, maka 60 peratus daripada dasar-dasar pendidikan yang diajarkan di dalam ((taman-taman asuhan)) tersebut akan ada penyelewengannya dari ajaran-ajaran Islam yang sebenarnya. Segala apa yang saya bayangkan ini tentu tidak akan dapat disangkal kebenarannya oleh sesiapa jua pun.

Memang sudah kita sama maklumi bahawa seseorang kanak-kanak itu, apabila ia telah dihantar belajar ke taman-taman asuhan – walau apa bentuk dan coraknya sekalipun, hanya buat sementara waktu sahaja – bererti kanak-kanak itu sudah terpisah dari suasana rumahtangga dan terpisah pula dari pergaulan dengan ibubap dan kaum keluarganya – kendatipun untuk untuk¹ beberapa jam sahaja dalam sehari. Kalau kanak-kanak itu berada di sana selama 3 tahun, iaitu suatu masa yang tidak boleh dianggap begitu singkat, sudah cukup untuk mempengaruhi jiwa seorang kanak-kanak –

¹ Pengulangan perkataan untuk.

Di Mana Tempat Perlindungan...

yang perasaan inklinasi dan imitasinya sedang hidup subur di jiwanya.

Mulai dari saat itu – dalam segi asuhan dan pendidikan – ia sudah bertukar tangan. Kalau ia dihantar belajar ke dalam taman asuhan yang diasaskan oleh penganut-penganut agama Kristian – iaitu pokok perbincangan yang akan saya kaji sekarang ini – maka sudah tentu sekali situasi atau suasana yang dihadapinya berlainan sekali dengan suasana yang didapatinya di dalam rumahtangganya sendiri, seolah-olah ia sebagai orang asing, segala bentuk dan corak hidup yang biasa dialaminya di samping kaum keluarganya di rumah sudah tidak ada lagi dilihatnya di taman asuhan tempat ia mulai menerima pendidikan baru itu. Segala kisah keagungan pahlwan bangsanya, kisah perjuangan Nabi Muhammad (S.A.W.), kisah para Sahabatnya dan kisah keberanian, kegagahan dan kebijaksanaan penganjur-penganjur, pemimpin-pemimpin Islam yang sekali-sekala pernah diceritakan oleh ibu dan ayahnya di rumah, sudah tidak ada lagi didengar di tempat yang segala-galanya bercorak kekristian itu, sehinggakan *frame-frame* gambar dan kalendar-kalendar yang mengandungi ayat-ayat suci al-Qur'an al-Karim yang hari-hari dapat dilihatnya tergantung di atas pintu, di atas tingkap dan di segenap penjuru dinding rumahnya sudah tidak dapat dilihatnya lagi disana.

Tetapi yang dipantakkan ke cuping telinga oleh para pendidik yang bertugas mengajarnya di taman asuhan ala Krsitian itu, hanya kisah-kisah yang menceritakan bagaimana Sayyidinā al-Masīh 'Īsā (*'alayhi al-Salām*) disalib (disula) kemudian dibunuh oleh orang Yahudi, mayatnya dimuliakan serta disanjung tinggi oleh orang-orang Kristian

sehingga gambaran bagaimana keadaan Sayyidinā 'Īsā (*'alayhi al-Salām*) itu disalib, diukir menjadi patung-patung suci yang wajib dipuja dan disembah oleh penganut-penganut agama Kristian. Kepercayaan ini tentu sekali bertentangan dengan kepercayaan Islam agama yang dianuti oleh kedua ibubapanya.

Di segenap penjuru dinding di dalam bangunan ((Taman-taman Asuhan Kristian itu)) penuh bergantung lukisan-lukisan indah berwarna-warni yang menggambarkan Siti Mariyam sedang memeluk anaknya nabi 'Īsā (*'alayhi al-Salām*) dengan begitu mesra sambil memegang sebuah kerusi atau salib sebagai lambang keagungan agama Kristian; sedang di atas muka pintu dan jendela-jendelanya terlekat pula ukiran-ukiran salib yang diukir dengan begitu indah dan menarik. Kemudian kisah-kisah palsu yang mengatakan Siti Mariyam isteri tuhan dan nabi 'Īsā al-Masīh ibnu Allah (anak Allah) – yang jauh menyeleweng dari iktikad kepercayaan kita orang-orang Islam – terus-menerus ditanamkan ke dalam jiwa kanak-kanak yang masih mentah itu dengan membawakan beberapa alasan yang agak logik dan mudah diterima oleh akal kanak-kanak yang tidak tahu-menahu walau sedikit pun tentang soal sejarah. Kalau pengaruh cerita-cerita palsu yang setiap hari dipantakkan ke dalam otak kanak-kanak – melalui saluran-saluran ilmu pendidikan moden dan ilmu jiwa yang mendalam – itu lebih berkesan kepada jiwa seseorang kanak-kanak yang mendengarnya, maka kepercayaan-kepercayaan yang salah itu akan tertanamlah ke dalam jiwanya hingga ia meningkat ke umur remaja. Tambahan pula apabila ia pulang ke rumah kisah-kisah sejarah yang sebenarnya mengikut saluran-saluran yang dipetik dari al-Qur'ān dan al-ḥadīth, tidak pernah diceritakan oleh kedua ibu bapanya, kalau pun ada hanya dengan cara sepintas lalu sahaja.

Di Mana Tempat Perlindungan...

Oleh itu tidaklah menjadi hairan, kalau kanak-kanak itu selalu pula dipertontonkan melalui lakonan-lakonan konsert atau sandiwara-sandiwara yang sepenuhnya ceritanya berunsurkan ajaran-ajaran agama Kristian, umpamanya tentang memperkatakan kisah bapa Kristian (Santa Claus) yang dianggap seorang tua suci yang mempunyai sifat-sifat pengasih penyayang oleh penganut-penganut agama Kristian terhadap kanak-kanak, maka jiwa kanak-kanak yang telah menyaksikan lakonan-lakonan tersebut akan tertarik dengan propaganda-propaganda yang membayangkan kemuliaan agama Kristian dan ketinggian moral (akhlak) paderi-paderi mereka. Dalam kepalanya penuh dengan seribu macam cerita yang menggambarkan kisah-kisah paderi-paderi dan pendeta-pendeta pelopor agama Kristian yang telah berjaya menghancurkan agama Islam dan membunuh kaum Muslimin di bumi Sepanyol (Spain) yang diketuai oleh Saint Isabelle – seorang paderi wanita yang telah mengasaskan ((*Kanīsh Qadīsh*)) (gereja suci) di Sepanyol, dengan bantuan suaminya Ferdinand.

(Kita tidak pula menafikan adanya setengah-setengah ((taman asuhan)) Krsistian yang diasaskan di dalam negara-negara Islam itu terpaksa mengadakan mata-mata pelajaran agama Islam kepada kanak-kanak Muslim yang dihantar belajar di dalamnya – dengan mengikuti sukatan pelajaran rendah agama yang diwajibkan oleh Kementerian Pelajaran di negara-negara Islam tempat taman-taman asuhan itu didirikan – tetapi adakah boleh diyakini pelajaran-pelajaran agama Islam yang dianjurkan di dalam ((taman-taman asuhan ala Kristian)) itu – terutama dalam mata pelajaran sejarah Islam – benar-benar merupakan sejarah Islam yang bersih dari segala penyelewengan? Kita tentu tidak berani mengadakan

tuduhan-tuduhan dengan secara mendadak tanpa bukti yang terang dan jelas. Tetapi walau bagaimanapun rasa kecurigaan dan kesangsian atas kejujuran para pendidik yang terdiri dari golongan pengembang-pengembang agama Kristian yang bertugas di taman-taman asuhan tersebut tidak dapat kita lenyapkan dengan begitu sahaja. Oleh itu kita mengharapkan kepada ibu bapa Muslim yang telah menghantar anak-anak mereka belajar ke taman-taman asuhan itu, mestilah jangan memandang ringan soal ini, mereka hendaklah pada setiap masa memeriksa dasar pelajaran agama Islam yang dipelajari oleh anak-anak mereka dari Taman-taman Asuhan Kristian itu, supaya dapat dibuktikan sama ada pelajaran-pelajaran agama Islam yang mereka terima itu benar-benar beraliran Islam tulen serta jauh-jauh daripada penyelewengan-penyelewengan yang bakal merosakkan iktikad kepercayaan kanak-kanak itu terhadap agama suci yang mereka anuti itu – Penterjemah).

Kesan-kesan Perasaan takut

di Jiwa Kanak-kanak:

Setiap kanak-kanak yang baru meningkat antara usia 3 hingga 6 tahun – iaitu jangka umur yang sangat munasabah ia dihantar belajar di taman-taman asuhan sementara menunggu tiba masanya ia dimasukkan ke sekolah-sekolah rendah – jiwanya masih kuat dipengaruhi oleh perasaan ((takut)) dan mudah ((terperanjat)).

Umpamanya, apabila ia mendengar hembusan angin taufan yang hebat disertai cahaya kilat yang sambar-menyambar, diiringi pula dengan suara petir halilintar yang mengegar bumi, dikala itu tiada lain jalan baginya selain dari memejamkan kedua belah mata dan menutup kedua belah telinga dengan tangannya, di samping itu dengan apa jalan dan apa cara ia lantas mencari-cari suatu tempat perlindungan yang boleh menyelamatkannya dari pancaran cahaya

Di Mana Tempat Perlindungan...

kilat dan gegaran bunyi halilintar yang pada sangkaannya membelah bumi tempat ia berpijak.

Bagi kanak-kanak Islam yang masih begitu mentah fikirannya, manakala dalam masa kecemasan itu dilihatnya kawan-kawan beragama Kristian yang sepelajaran dengannya itu bertelut menghadapi patung 'Īsā al-Masīḥ sambil tunduk khusyuk meletakkan kedua-dua belah tangan mereka ke dada, maka dengan tidak secara langsung ia juga lantas turut berbuat demikian. Apabila suara gema petir dan halilintar itu telah agak reda dari pendengaran telinganya, maka dengan perlahan-lahan ia pun membuka kedua belah matanya sambil memandang ke kiri dan ke kanan; di saat itu didapatinya dirinya di dalam keadaan aman sejahtera dan terselamat daripada bahaya panahan halilintar yang sangat-sangat ditakutinya itu. Dikala itu dihadapannya terletak sebuah kitab (Injil – P.) Kecil dan comel, di samping kitab itu terletak pula patung-patung permainan yang memang menjadi kesukaan kanak-kanak serta beberapa keping gula-gula yang berbalut dengan kertas-kertas indah berbunga-bunga yang sangat menarik, sedang di belakangnya berdiri seorang paderi wanita yang mengajarnya dengan khusyuk menundukkan kepalanya kepada patung 'Īsā al-Masīḥ yang berada di hadapannya itu, kemudian ia memandang ke muka kanak-kanak itu dengan air muka yang berseri-seri mengorak senyuman yang menarik perasaan menunjukkan emosi ((kasih mesra)) yang mendalam terhadap kanak-kanak yang telah terhindar daripada bahaya guruh dan halilintar yang sangat ditakutinya itu.

Sikap dan gerak-geri begitu lembut dan khusyuk yang ditunjukkan oleh paderi wanita itu sangat besar kesannya untuk mempengaruhi jiwa seorang

kanak-kanak yang masih memerlukan perasaan ((kasih sayang)) dari sesiapa sahaja yang menyintainya. Di kala itu juga tersematlah di fikirannya bahawa yang telah melepaskan dirinya daripada suara gema guruh dan halilintar tadi tidak lain dari patung 'Īsā al-Masīḥ yang sangat dihormati oleh kawan-kawannya yang beragama Kristian dan juga oleh gurunya paderi wanita yang berdiri di belakangnya itu. Spontan meresaplah ke segenap jiwanya suatu perasaan batin yang belum pernah dialaminya selama ini, iaitu perasaan ((kasih sayang)) yang mendalam terhadap gurunya itu dan juga terhadap lembaga patung 'Īsā al-Masīḥ yang sangat dihormati oleh gurunya paderi wanita itu.

Dalam masa tiga tahun itu – iaitu masa seorang kanak-kanak itu diasuh dididik di taman-taman asuhan – hiduplah mereka dikelembungi oleh suasana yang bercorak Kristian dengan tidak diketahui oleh kedua ibubapa dan kaum keluarganya yang beragama Islam – sama ada dengan sebab kejahilan, kelalaian atau pun keikhlasan hati mereka mempercayai seratus-peratus terhadap kecurangan para pendidik yang terdiri dari pengembang-pengembang agama Kristian yang bertugas di taman-taman asuhan ala Kristian itu menyelewengkan pengajaran-pengajaran agama Islam yang diajarkannya itu dari hakikat yang sebenarnya.

Sikap Para Ulama Islam:

Yang saya kagumkan ialah ada di antara orang-orang Islam yang menghantarkan anak-anak mereka belajar ((di taman-taman asuhan ala Kristian)) itu terdiri dari golongan para alim-ulama yang tidak pernah meninggalkan puasa di bulan Ramaḍān dan sentiasa mendirikan sembahyang di barisan pertama dalam masjid, mereka itu juga tidak menyedari akan bahaya-bahaya pengaruh Kristian yang diajarkan kepada anak-anak mereka di taman asuhan tersebut.

Di Mana Tempat Perlindungan...

Dengan sepintas lalu sahaja kita dapat menyeluk perasaan yang tersemat dilubuk hati mereka – setelah kita memandang kepada situasi alam yang berada di sekeliling kita pada hari ini – iaitu alam yang lebih mementingkan ((kebendaan)) dari ((agama)). Mereka memandang pendidikan sistem cara barat ala Kristian itu sahajalah yang boleh menjamin kehidupan anak-anak mereka di masa depannya. Apa yang boleh dilakukan oleh anak-anak mereka kelak setelah mereka lulus dalam jurusan pengajian, selain dari menjadi imam dan khatib di masjid-masjid, atau paling tinggi menjawat jawatan kadi di pejabat-pejabat agama?

Inilah di antara sebab-sebab mengapa orang-orang Islam sendiri sanggup menghantarkan anak-anak mereka belajar mencari ilmu pengetahuan keduniaan di taman-taman asuhan atau pun ke sekolah-sekolah yang didirikan oleh orang-orang Kristian? Sedang bahayanya dari segi iktikad dan kepercayaan anak-anak mereka terhadap ajaran-ajaran agama Islam yang mereka anuti itu pasti akan mengancam jiwa batin kanak-kanak itu jika umur mereka telah meningkat dewasa kelak.

Ini selain dari sistem-sistem pelajaran yang dilaksanakan di dalam sekolah-sekolah Kristian itu memang lebih teratur dan lebih sesuai dengan kekuatan otak seorang kanak-kanak mengikut peringkat umur masing-masing, sehingga kanak-kanak yang menerima pelajaran-pelajaran yang diberikan oleh guru-gurunya itu tidak merasakan mereka menanggung satu bebanan yang berat yang disumbatkan dengan secara paksaan di otak mereka yang selemah itu.

Menghadapi Dua Cabaran Hidup:

Dengan sebab-sebab inilah demi memikirkan masa depan yang bakal dihadapi oleh anak-anak mereka untuk hidup

bahagia di dalam sebuah masyarakat di dalam dunia baru yang serba moden ini, maka mahu tak mahu, sama ada sesuai atau pun tidak dengan kemahuan jiwa mereka, mereka terpaksa mengorbankan jiwa batin anak-anak mereka dalam menghadapi dua cabaran hidup di zaman yang dikatakan serba moden dan serba maju ini. Untuk menghadapi dua cabaran tersebut, maka terpulanglah di atas kesanggupan anak-anak itu sendiri – apabila ia besar kelak – menggunakan akal fikiran yang telah matang, memilih antara ((agama)) yang dianutinya dengan ((kebendaan)) yang² dianggapnya boleh menjadikan ia seorang yang hidup bahagia di alam dunia ini. Jika ia ingin mencapai kebahagiaan hidup dari alam dunia hingga ke alam akhirat, ia mestilah pandai memperseimbangkan antara kegiatan mengejar kebahagiaan hidup dunia dan akhirat. Kiranya ia tidak sanggup berbuat demikian, maka kehidupan mereka akan terumbang-ambing ibarat buih-buih di tengah-tengah samudera yang luas dibawa oleh arus yang tidak mempunyai pedoman dan tujuan tertentu.

(Di dalam majalah Qalam bilangan akan datang, kita akan membawa para pembaca sekalian mengikuti pena al-ustaz Yusuf al-'Azam – penulis makalah yang berharga ini – di sepanjang kajiannya membongkar cita-cita jahat yang terpendam dilubuk hati pengembang-pengembang agama Kristian untuk menarik jiwa generasi-generasi muda Muslim angkatan baru supaya mereka mempunyai ajaran-ajaran agama Kristian sehingga mereka sehari demi sehari kian menjauhi ajaran-ajaran agama Islam yang mereka laung-laungkan sudah tidak sesuai lagi dipraktikkan di zaman yang serba maju dan serba moden ini. – Pengarang).

² Pengulang perkataan yang.